

## **Abstrak**

Tradisi bertatu di anggota badan sebenarnya sudah lama wujud di kalangan masyarakat Iban, malah pernah menjadi status penting untuk menunjukkan kehebatan dan kekuatan setiap lelaki dan perempuan pada zaman dahulu. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti reka corak motif tatu dekoratif Iban serta pengertian motif-motif tatu dekoratif Iban tersebut. Kesemua reka corak tatu dekoratif Iban telah dikumpul dan dianalisa mengikut pengertian masyarakat Iban dalam mengamalkan budaya bertatu pada masa dahulu. Setelah menganalisa kesemua motif-motif tatu Iban tersebut, kaji selidik ini di teruskan dengan menggunakan borang kaji selidik yang telah dijalankan di sekitar rumah-rumah panjang untuk mengetahui kesahihan identiti sebenar motif tatu Iban tersebut. Data-data yang dikumpul telah diadaptasikan ke dalam penyampaian animasi pendek. Kaedah persempahan dalam bentuk animasi digunakan kerana visual dalam persempahan ini boleh menarik perhatian masyarakat kini berbanding dengan penyampaian dalam bentuk realistik. Oleh itu, maknanya mudah untuk disampaikan kepada masyarakat seterusnya dapat memupuk tradisi bertatu dikalangan masyarakat Iban daripada mereka pupus. Kajian ini memberi maklumat penting kepada masyarakat tentang pengertian sebenar tatu dekoratif Iban kerana pada hari ini golongan yang memiliki tatu hanyalah sekadar hiburan, kecantikan dan menunjukkan samseng tetapi berlainan pada masa dahulu kaum Iban bertatu adalah untuk menunjukkan simbol kekuatan dan keberanian mereka.

## **Abstract**

(The tradition of tattooing the body has long existed among the Iban community. In fact it was of a very important status to show the greatness and strength of every man and woman in the past. This study aims to identify design motifs of Iban tattoos and the meaning of the decorative motifs. All the decorative design patterns of the Iban tattoos were collected and analyzed according to their meanings in the Iban culture in the past) After analyzing all of the Iban tattoo motives, a survey was carried out by distributing questionnaires in the vicinity of the longhouses to validate the true identity of the Iban tattoo motif. The data collected were then adapted into a short animated presentation. Animation was used for the presentation of the research data as this was more effective in attracting the attention of today's society compared to a realistic presentation. As a result, it is easier to convey the message of the presentation to the community so as to foster and preserve the tradition of tattooing among the Iban community. This study serves to provide the public with the true meaning of decorative tattoos especially in today's community where tattoos are done just for entertainment, beauty and as symbols for gangs when in the past tattoos were a true symbol of bravery and strength.